



Melayu

ملايو

رسالاتان موجزتان في الزكاة والصيام

Risalah Ringkas Berkaitan Zakat dan Puasa



Samahat al-Shaykh
Imam Abdul 'Aziz bin Abdullah Ibn Baz
Semoga Allah merahmatinya

١٤٤٦ هـ ، باللغات ، المحتوى الإسلامي خدمة جمعية (

بن باز ، عبدالعزيز
رسالتان موجرتان في الزكاة والصيام - ملايو. / عبدالعزيز بن
باز ؛ جمعية خدمة المحتوى الإسلامي باللغات - ط١. - الرياض ،
١٤٤٦ هـ

٣٣ ص : .. سم

رقم الإيداع: ١٤٤٦/١٤٩٥١
ردمك: ٨٤-٨٥٢٤-٩٧٨-٦٠٣-

رِسَالَتَانِ مُوجَزَتَانِ فِي الرِّزْكَةِ وَالصِّيَامِ

Risalah Ringkas Berkaitan Zakat dan Puasa

سَمَاحَةُ الشَّيْخِ

عَبْدُ الْعَزِيزِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ بَازٍ

رَحْمَةُ اللَّهِ

Samahat al-Shaykh
Imam Abdul 'Azīz bin Abdullah Ibn Bāz
Semoga Allah merahmatinya

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Risalah Ringkas Berkaitan Zakat dan Puasa

Samahat al-Shaykh

Imam Abdul 'Azīz bin Abdullah Ibn Bāz

Semoga Allah merahmatinya

Risalah Pertama

Perbahasan Penting Berkaitan Zakat

Dengan nama Allah yang Maha Penyayang, lagi Maha Mengasihani

Segala puji hanya bagi Allah semata; selawat dan salam ke atas Rasul yang tiada nabi selepasnya, juga ke atas kerabat dan para sahabat baginda.

Tujuan saya menulis untaian kata ini adalah untuk melontarkan sebuah nasihat tentang kewajipan zakat, yang telah dianggap remeh oleh ramai umat Islam sehingga mereka tidak menunaikannya dengan cara yang sah menurut syariat, meskipun zakat mempunyai kedudukan yang agung dan merupakan salah satu daripada lima rukun Islam, yang mana binaannya tidak akan tertegak tanpanya sebagaimana sabda Nabi ﷺ:

«بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَىٰ خَمْسٍ: شَهَادَةُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَإِقَامُ الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءُ الزَّكَاةِ، وَصَوْمُ رَمَضَانَ، وَحَجَّ الْبَيْتِ». (Al-Bukhari)

"Islam dibangun di atas lima perkara: Bersaksi bahawa tiada yang berhak disembah melainkan Allah dan bahawa Muhammad adalah utusan Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat, berpuasa di bulan Ramadan, dan menunaikan haji ke Baitullah." Disepakati sahih.

Kewajipan zakat ke atas umat Islam adalah salah satu keindahan Islam yang paling jelas, menunjukkan kepeduliannya terhadap kesejahteraan penganutnya. Ini kerana zakat membawa banyak manfaat dan sangat diperlukan oleh golongan miskin dalam kalangan umat Islam.

Antara manfaatnya ialah mengukuhkan ikatan kasih sayang antara si kaya dan si miskin, kerana fitrah manusia cenderung menyayangi orang yang berbuat baik kepada mereka.

Antara manfaatnya juga ialah membersihkan dan menyucikan jiwa serta menjauhkannya daripada sifat kedekut dan kikir, sebagaimana yang dinyatakan dalam al-Quran:

﴿خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُظْفِرُهُمْ وَلَا يُكَبِّرُهُمْ بِهَا...﴾

"Ambillah (sebahagian) daripada harta mereka sebagai sedekah (zakat) yang akan membersihkan dan menyucikan mereka dengannya." (Surah al-Tawbah: 103)

Antara manfaat lain juga membiasakan seorang Muslim dengan sifat pemurah, dermawan serta belas kasihan terhadap mereka yang memerlukan.

Antaranya juga mendatangkan keberkatan, pertambahan dan gantian daripada Allah, sebagaimana firman-Nya:

﴿...وَمَا أَنْفَقُتُم مِّن شَيْءٍ فَهُوَ يُخْلِفُهُ وَهُوَ خَيْرُ الرَّازِقِينَ﴾

"Dan apa sahaja yang kamu nafkahkan, maka Dia akan menggantikannya, dan Dia adalah sebaik-baik pemberi rezeki." (Surah Saba': 39) Sabda Nabi SAW dalam hadis sahih: Allah berfirman:

«يَا ابْنَ آدَمَ أَنْفِقْ نُنْفِقَ عَلَيْكَ...».

"Wahai anak Adam, belanjakanlah (hartamu), nescaya Kami akan membelanjakan (untukmu)..."
Dan pelbagai lagi manfaat yang banyak.

Terdapat ancaman yang keras terhadap orang yang bakhil atau yang lalai dalam mengeluarkannya, Allah berfirman:

﴿وَالَّذِينَ يَكُنُزُونَ الْذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يُنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرُهُم بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٢١﴾ يَوْمَ يُحْمَى عَلَيْهَا فِي نَارِ جَهَنَّمَ فَتُكَوَى بِهَا چِبَاهُهُمْ وَجُنُوبُهُمْ وَظُهُورُهُمْ هَذَا مَا كَرَزْتُمْ لِأَنْفُسِكُمْ فَذُوقُوا مَا كُنْتُمْ تَكْنِزُونَ ﴿٢٢﴾﴾

"Dan orang-orang yang menimbun emas dan perak dan tidak menafkahkannya di jalan Allah, maka sampaikanlah kepada mereka dengan azab yang pedih.

Pada hari dipanaskan emas dan perak itu di dalam api neraka Jahanam, lalu diseterika dengannya dari mereka, sisi mereka, dan punggung mereka. (Dikatakan kepada mereka): "Inilah apa

yang telah kamu simpan untuk dirimu sendiri, maka rasakanlah apa yang kamu simpan itu." (Surah al-Tawbah: 34-35) Setiap harta yang tidak dikeluarkan zakatnya, ia akan menjadi alat untuk menyeksa pemiliknya pada hari kiamat, seperti yang dijelaskan dalam hadis sahih daripada Nabi SAW yang bersabda:

«مَا مِنْ صَاحِبٍ ذَهَبٌ وَلَا فِضَّةٌ لَا يُؤَدِّي حَقَّهَا إِلَّا إِذَا كَانَ يَوْمُ الْقِيَامَةِ صُفَحَتْ لَهُ صَفَائِحُ مِنْ نَارٍ فَأُحْمِيَ عَلَيْهَا فِي نَارِ جَهَنَّمَ فَيُكَوَى بِهَا جَنْبُهُ وَجَبِينُهُ وَظَهُورُهُ، كُلُّمَا بَرَدَتْ أُعِيدَتْ لَهُ فِي يَوْمٍ كَانَ مِقْدَارُهُ خَمْسِينَ أَلْفَ سَنَةٍ حَتَّى يُقْضَى بَيْنَ الْعِبَادِ فَيَرَى سَبِيلَهُ: إِمَّا إِلَى الْجَنَّةِ، وَإِمَّا إِلَى النَّارِ».»

"Tiada seorang pun pemilik emas atau perak yang tidak menunaikan haknya, melainkan pada hari kiamat, akan dibentangkan plat-plat dari api lalu diletakkan di atasnya di dalam api neraka Jahanam, sehingga ia membakar sisi, dahi dan punggungnya. Setiap kali ia dingin, ia akan dipanaskan semula pada hari yang kadarnya adalah lima puluh ribu tahun, sehingga keputusan dibuat antara hamba-hamba dan dia akan melihat jalannya sama ada ke syurga atau ke neraka."

Kemudian, Nabi SAW menyebutkan mengenai pemilik unta, lembu dan kambing yang tidak menunaikan zakatnya, dan baginda mengkhabarkan bahawa orang tersebut akan diseksa dengan haiwan-haiwan tersebut pada hari

kiamat.

Rasulullah SAW pernah bersabda dalam sebuah hadis yang sahih:

«مَنْ آتَاهُ اللَّهُ مَا لَا فَلَمْ يُؤْدِ زَكَاتُهُ مُثِلٌ لَهُ شَجَاعًا أَقْرَعَ لَهُ رَبِيبَاتٌ بُطْوُفُهُ
يَوْمَ الْقِيَامَةِ، ثُمَّ يَأْخُذُ بِلَهْمِ مَقْتَيْهِ (يَعْنِي سِدْقَيْهِ)، ثُمَّ يَقُولُ: أَنَا مَالِكُ، أَنَا
كُرْكُ، ثُمَّ تَلَ النَّيْ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَوْلُهُ تَعَالَى: ﴿وَلَا يَحْسَبَنَّ الَّذِينَ يَبْخَلُونَ بِمَا أَتَاهُمُ
الَّهُ مِنْ فَضْلِهِ هُوَ خَيْرًا لَهُمْ بَلْ هُوَ شُرُّ لَهُمْ سَيُظْهِرُونَ مَا بَخْلُوا بِهِ يَوْمَ
الْقِيَامَةِ...﴾

"Sesiapa yang diberikan Allah harta tetapi tidak menunaikan zakatnya, maka pada hari kiamat, ia akan digambarkan dengan seekor ular yang berbisa dengan dua benjolan di atas kepalanya yang akan mengelilinginya. Kemudian ular itu akan menggigit pipinya dan berkata: "Aku adalah hartamu, aku adalah simpananmu." Kemudian Nabi SAW membaca ayat Allah:

"Dan janganlah mereka yang bakhil dengan apa yang Allah kurniakan kepada mereka daripada kurnia-Nya menyangka bahawa itu adalah baik bagi mereka, bahkan itu adalah keburukan bagi mereka. Mereka akan dibelitkan dengan apa yang mereka bakhikan itu pada hari kiamat." (Surah Āli 'Imrān: 180).

Zakat wajib dikeluarkan ke atas empat jenis harta: hasil bumi seperti bijirin dan buah-buahan,

ternakan yang digembala seperti unta, lembu, dan kambing, emas dan perak, serta barang perniagaan.

Setiap daripada empat jenis harta ini mempunyai nisab tertentu, di mana zakat tidak diwajibkan jika jumlahnya kurang daripada nisab tersebut.

- Nisab bagi bijirin dan buah-buahan ialah lima wasq.

- Satu wasq bersamaan dengan 60 ṣā' mengikut ukuran $\text{ṣā'$ Nabi SAW.

Ini bermakna jumlah nisabnya ialah 300 ṣā' , yang meliputi hasil seperti kurma, kismis, gandum, beras, barli, dan seumpamanya.

$\text{ṣā'$ Nabi SAW dianggarkan bersamaan dengan empat cedokan penuh menggunakan kedua-dua tangan seseorang yang bersaiz tubuh sederhana, jika kedua-dua tangannya dipenuhi dengan bahan tersebut.

Zakat yang wajib dikeluarkan bagi hasil tanaman dan buah-buahan ialah satu persepuhluh ($1/10$) jika pokok atau tanaman tersebut disiram tanpa sebarang kos, seperti menggunakan air hujan, sungai, mata air yang mengalir, dan seumpamanya.

Namun, jika tanaman itu disiram dengan usaha dan kos, seperti menggunakan timba, pam air, atau mesin penyedut air dan seumpamanya, maka zakat yang wajib dikeluarkan ialah satu perdua puluh ($1/20$), sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis

sahih daripada Rasulullah SAW.

Adapun nisab bagi ternakan yang digembala seperti unta, lembu, dan kambing, terdapat perincian khusus mengenainya yang disebut dalam hadis-hadis sahih daripada Rasulullah SAW.

Bagi mereka yang ingin mengetahuinya dengan lebih lanjut, mereka boleh bertanya kepada para ulama. Sekiranya bukan kerana tujuan ringkasan, perinciannya tentu akan disebut demi melengkapkan manfaatnya.

Adapun nisab perak ialah 140 mithqāl, yang bersamaan dengan 56 riyal dalam ukuran dirham Arab Saudi.

Adapun nisab emas adalah 20 mithqal, yang bersamaan dengan 11 dan $\frac{3}{7}$ dinar Saudi, atau 92 gram. Kadar zakat yang wajib dikeluarkan daripadanya ialah satu perempat daripada satu persepuuh (2.5%) bagi sesiapa yang memiliki nisab emas atau perak atau salah satu daripadanya dan telah cukup tempoh setahun.

Keuntungan dianggap sebagai bahagian daripada modal asal, maka ia tidak memerlukan tempoh haul yang baharu, sebagaimana hasil ternakan yang berkembang dianggap mengikuti induknya dan tidak memerlukan haul yang baharu jika induknya sudah mencapai nisab.

Dalam hukum emas dan perak, wang kertas yang digunakan oleh masyarakat pada hari ini, sama ada dinamakan dirham, dinar, dolar, atau apa sahaja

nama lain, jika nilainya mencapai nisab emas atau perak dan telah cukup tempoh haul, maka wajib dikeluarkan zakat ke atasnya.

Termasuk dalam kategori wang adalah perhiasan wanita daripada emas atau perak, terutama apabila mencapai nisab dan sudah berlalu setahun (haul). Maka, zakat wajib dikeluarkan daripadanya, walaupun ia disediakan untuk digunakan atau dipinjamkan, berdasarkan pendapat yang paling sahih dalam kalangan ulama berdasarkan sabda Nabi SAW:

«مَا مِنْ صَاحِبٍ ذَهَبٌ أَوْ فِضَّةٌ لَا يُؤْدِي زَكَاتَهَا إِلَّا إِذَا كَانَ الْقِيَامَةُ
صُفَّحَتْ لَهُ يَوْمٌ صَفَّائِحٌ مِنْ نَارٍ».

"Tiada pemilik emas atau perak yang tidak mengeluarkan zakatnya melainkan pada hari kiamat, mereka akan diheret kepadanya lembaran-lembaran api neraka." ...

Dalam sebuah hadis yang sahih, Nabi SAW melihat seorang wanita memakai dua gelang emas, baginda bersabda:

«أَتُعْطِينَ زَكَةً هَذَا؟»، قَالَتْ: لَا، قَالَ: «أَيْسُرُكِ أَنْ يُسَوِّرَكَ اللَّهُ بِهِمَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ سَوَارِيْنِ مِنْ نَارٍ!»، فَأَلْقَثَهُمَا، وَقَالَتْ: «هُمَا لِلَّهِ وَلِرَسُولِهِ».

"Adakah kamu memberikan zakat untuk ini?"

Dia menjawab, "Tidak."

Maka Rasulullah bersabda, "Adakah kamu mahu Allah menyarungkan kedua-dua gelang itu

kepadamu pada hari kiamat sebagai dua gelang daripada api?"

Lalu wanita itu melemparkannya dan berkata, "Ini untuk Allah dan Rasul-Nya." Direkodkan oleh Abu Dawud dan al-Nasaie dengan sanad yang hasan.

Telah sahih daripada Umm Salamah (RA) bahawa beliau pernah memakai perhiasan berupa awdāh (sejenis perhiasan emas), lalu beliau bertanya: "Wahai Rasulullah, adakah ini dianggap sebagai harta simpanan (kanz)?"

Maka baginda menjawab:

«مَا بَلَغَ أَنْ يُرَكِّبَ فَرْيَقٌ فَلَيْسَ بِكَنزٍ».

"Sesiapa yang memiliki perhiasan emas yang sudah mencapai kadar wajib zakat dan dikeluarkan zakatnya, maka itu bukanlah harta yang disimpan (kanz)." Terdapat hadis-hadis lain yang sama makna dengannya.

Adapun barang dagangan, iaitu barang yang disediakan untuk dijual, maka ia dinilai pada akhir tahun dan dikeluarkan zakat sebanyak satu perempat daripada sepuluh (2.5%) daripada nilainya, sama ada nilainya sama dengan harga belinya, lebih tinggi atau lebih rendah berdasarkan hadis Samurah yang berkata:

«كَانَ رَسُولُ اللَّهِ يَأْمُرُنَا أَنْ نُخْرِجَ الصَّدَقَةَ مِنَ الَّذِي نُعَدُّ لِلْبَيْعِ».

"Rasulullah SAW memerintahkan kami untuk mengeluarkan zakat daripada barang yang kami sediakan untuk dijual." Riwayat Abu Dawud.

Ini termasuk tanah yang disediakan untuk dijual, bangunan, kenderaan, mesin penarik air dan pelbagai jenis barang dagangan lain yang diniatkan untuk jualan.

Manakala bangunan yang disewakan dan bukan untuk dijual, zakat dikenakan pada hasil sewanya jika telah cukup haul, tetapi tidak pada nilai hartanah itu sendiri kerana ia tidak diniatkan untuk dijual.

Begitu juga dengan kenderaan persendirian atau kenderaan sewaan, tidak diwajibkan zakat ke atasnya jika ia dibeli untuk kegunaan sendiri dan bukan untuk dijual.

Jika pemilik kenderaan sewaan atau sesiapa sahaja memiliki wang tunai yang mencapai nisab, maka dia wajib mengeluarkan zakat ke atasnya apabila cukup haul, tanpa mengira sama ada wang tersebut disimpan untuk perbelanjaan harian, perkahwinan, pembelian hartanah, pembayaran hutang, atau tujuan lain.

Ini berdasarkan dalil-dalil syarak yang umum yang mewajibkan zakat ke atas harta seumpama ini.

Pendapat yang lebih sahih dalam kalangan ulama ialah bahawa hutang tidak menghalang kewajipan zakat, berdasarkan dalil-dalil yang telah

disebutkan sebelum ini.

Begitu juga harta anak yatim dan orang gila, zakat wajib dikeluarkan daripadanya menurut pendapat jumhur ulama jika ia mencapai nisab dan telah cukup tempoh setahun (haul).

Wali atau penjaga mereka wajib mengeluarkan zakat tersebut dengan niat bagi pihak mereka apabila cukup tempohnya, berdasarkan dalil-dalil umum, seperti sabda Nabi ﷺ dalam hadis Mu'az RA ketika beliau diutus ke negeri Yaman:

إِنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً فِي أَمْوَالِهِمْ ثُوَّبُهُ مِنْ أَغْنِيَائِهِمْ وَتَرَدُّ فِي فُقَرَائِهِمْ .

"Sesungguhnya Allah telah mewajibkan zakat atas harta mereka, yang diambil dari orang kaya mereka dan diberikan kepada orang miskin mereka."

Zakat adalah hak Allah, tidak dibenarkan untuk memberi keutamaan kepada orang yang tidak berhak menerimanya, atau untuk mendapatkan manfaat bagi diri sendiri atau menghindari kemudaratan dengan zakat tersebut, atau untuk melindungi harta seseorang atau menghindari celaan dengan zakat.

Sebaliknya, seorang Muslim wajib mengeluarkan zakatnya kepada orang yang berhak menerimanya kerana mereka adalah penerima zakat yang sah, bukan untuk tujuan lain, dengan

hati yang ikhlas dan tulus kerana Allah, agar dia melepaskan dirinya daripada tanggungjawab dan layak menerima ganjaran serta balasan yang baik.

Allah SWT telah menjelaskan dalam kitab-Nya yang mulia golongan-golongan yang berhak menerima zakat. Firman-Nya:

﴿إِنَّمَا الْصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِيلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةُ قُلُوبُهُمْ وَفِي
الْإِقَابِ وَالْغَرِيمَينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيقَةٌ مِّنَ اللَّهُ وَاللَّهُ عَلَيْهِ
حَكِيمٌ﴾

“Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, para amil yang mengurusnya, orang-orang yang dijinakkan hatinya, untuk membebaskan hamba, untuk orang-orang yang berhutang, untuk golongan fi sabilillah, dan untuk orang yang sedang dalam perjalanan. Itu adalah kewajipan yang ditetapkan oleh Allah, dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.”
(Surah al-Tawbah: 60)

Dalam penutup ayat yang mulia ini dengan dua nama yang agung, ia merupakan peringatan daripada Allah SWT kepada hamba-hamba-Nya bahawa Dia Maha Mengetahui keadaan hamba-Nya: siapa yang berhak menerima sedekah dan siapa yang tidak berhak.

Dia juga Maha Bijaksana dalam hukum-Nya dan takdir-Nya, maka Dia tidak meletakkan sesuatu kecuali pada tempatnya yang sesuai, walaupun

kadang-kadang rahsia kebijaksanaan-Nya tersembunyi daripada sebahagian manusia. Peringatan ini bertujuan agar hamba-hamba Allah merasa tenang dengan hukum-Nya dan menerima ketentuan-Nya.

Kami memohon agar Allah memberikan taufik kepada kami dan kepada seluruh umat Islam untuk memahami agama-Nya dengan baik, berlaku jujur dalam urusan-urusan mereka, berlumba-lumba untuk melakukan apa yang mendapat reda-Nya, dan dilindungi daripada segala perkara yang menyebabkan kemurkaan-Nya. Sesungguhnya, Dia Maha Mendengar lagi Maha Dekat!

Semoga selawat dan salam sentiasa dilimpahkan ke atas hamba dan rasul-Nya, Nabi kita Muhammad SAW, serta ke atas keluarga dan para sahabatnya.

Pengerusi Jabatan Kajian Ilmiah
Fatwa, Dakwah dan Bimbingan
Samāḥat al-Shaykh al-Imām ‘Abdul ‘Azīz bin Bāz

Risalah Kedua

Keutamaan Puasa dan Qiyam Ramadan serta Penjelasan Hukum-Hakam Penting yang Mungkin Terlepas Pandang oleh Sebahagian Orang

Dengan nama Allah yang Maha Penyayang, lagi
Maha Mengasihani

Risalah ini dititipkan oleh Abdul Aziz bin Abdullah bin Baz, kepada umat Islam yang membaca risalah ini. Semoga Allah membimbing saya dan mereka ke jalan orang-orang beriman, serta memberikan taufik kepada kita semua untuk memahami sunnah dan al-Quran. Amin!

Salāmullāhi ‘alaykum wa rāḥmatuhu wa barakātuh.

Ini adalah nasihat ringkas yang berkaitan dengan keutamaan berpuasa dan mendirikan ibadah di bulan Ramadan, serta keutamaan berlumba-lumba dalam melakukan amal soleh di dalamnya, dengan penjelasan mengenai hukum-hakam penting yang mungkin sebahagian orang terlepas pandang.

Dalam hadis sahih daripada Rasulullah ﷺ bahawa baginda memberi khabar gembira kepada para sahabatnya dengan kedatangan bulan Ramadan.

Baginda juga memberitahu mereka bahawa ia merupakan bulan yang dibuka padanya pintu-pintu

rahmat dan pintu-pintu syurga, ditutup padanya pintu-pintu neraka Jahannam, serta dibelenggu syaitan-syaitan. Baginda bersabda:

«إِذَا كَانَتْ أَوَّلُ لَيْلَةٍ مِنْ رَمَضَانَ فُتَّحَتْ أَبْوَابُ الْجَنَّةِ فَلَمْ يُغْلَقْ مِنْهَا بَابٌ، وَغُلِقَتْ أَبْوَابُ جَهَنَّمَ فَلَمْ يُفْتَحْ مِنْهَا بَابٌ، وَصُفِّدَتِ الشَّيَاطِينُ، وَيُنَادِي مُنَادٍ: يَا بَاغِيَ الْخَيْرِ أَقْبِلْ، وَيَا بَاغِيَ الشَّرِّ أَقْصِرْ، وَلِلَّهِ عُنْقَاءُ مِنَ النَّارِ، وَذَلِكَ كُلَّ لَيْلَةٍ».

"Apabila tiba malam pertama bulan Ramadan, dibukalah pintu-pintu syurga sehingga tidak ada satu pun yang tertutup, ditutuplah pintu-pintu neraka sehingga tidak ada satu pun yang terbuka, dan syaitan-syaitan dibelenggu. Seorang penyeru akan menyeru: "Wahai pencari kebaikan, kemarilah! Wahai pencari kejahanatan, berhentilah!" Dan Allah mempunyai hamba-hamba yang dibebaskan dari api neraka dan itu berlaku pada setiap malam."

Baginda Nabi SAW juga bersabda:

«جَاءَكُمْ شَهْرُ رَمَضَانَ شَهْرُ بَرَكَةٍ، يَغْشَاكُمُ اللَّهُ فِيهِ: فَيُزِيلُ الرَّحْمَةَ، وَيَنْهَاكُمُ الْحَطَايَا، وَيَسْتَحِيُ الدُّعَاءُ، يَنْظُرُ اللَّهُ إِلَى تَنَافُسِكُمْ فِيهِ فَيُبَاهِي بِكُمْ مَلَائِكَتَهُ؛ فَأَرُوا اللَّهُ مِنْ أَنفُسِكُمْ خَيْرًا؛ فَإِنَّ الشَّقِيقَ مِنْ حُرَمَ فِيهِ رَحْمَةَ اللَّهِ».

"Telah tiba kepada kalian bulan Ramadan, bulan

penuh keberkatan. Allah melimpahkan rahmat-Nya kepada kalian, menghapuskan dosa-dosa dan mengabulkan doa. Allah melihat persaingan kalian dalam kebaikan, lalu Dia membanggakan kalian di hadapan para malaikat-Nya. Maka tunjukkanlah kepada Allah kebaikan darioada diri kalian. Sesungguhnya orang yang celaka adalah mereka yang diharamkan daripada rahmat Allah dalam bulan ini."

Baginda Nabi SAW juga bersabda:

«مَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا عُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ، وَمَنْ قَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا عُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ، وَمَنْ قَامَ لَيْلَةَ الْقَدْرِ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا عُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ».

"Sesiapa yang berpuasa pada bulan Ramadan dengan penuh keimanan dan mengharapkan ganjaran daripada Allah, maka diampunkan dosa-dosanya yang telah lalu. Sesiapa yang mendirikan solat malam pada bulan Ramadan dengan penuh keimanan dan mengharapkan ganjaran daripada Allah, maka diampunkan dosa-dosanya yang telah lalu. Sesiapa yang menghidupkan malam Lailatul Qadar dengan penuh keimanan dan mengharapkan ganjaran daripada Allah, maka diampunkan dosa-dosanya yang telah lalu."

Baginda Nabi SAW juga bersabda:

«يَقُولُ اللَّهُ: كُلُّ عَمَلٍ ابْنِ آدَمَ لَهُ الْخَسَنَةُ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا إِلَى سَبْعِمَائَةٍ ضَعْفٍ، إِلَّا الصَّيَامُ فَإِنَّهُ لِي وَأَنَا أَجْزِي بِهِ، تَرَكَ شَهْوَتَهُ وَطَعَامَهُ وَشَرَابَهُ مِنْ أَجْلِي. لِلصَّائِمِ فَرْحَتَانِ: فَرْحَةٌ عِنْدَ فِطْرِهِ، وَفَرْحَةٌ عِنْدَ لِقَاءِ رَبِّهِ. وَلَخْلُوفُ فِيمِ الصَّائِمِ أَطْيَبُ عِنْدَ اللَّهِ مِنْ رِيحِ الْمِسْكِ».

"Allah berfirman: Setiap amalan anak Adam adalah untuknya, satu kebaikan diganjarkan dengan sepuluh kali ganda hingga tujuh ratus kali ganda, kecuali puasa. Sesungguhnya puasa itu untuk-Ku dan Aku sendiri yang akan memberikan ganjarannya. Dia telah meninggalkan syahwat, makanan dan minumannya kerana-Ku. Bagi orang yang berpuasa ada dua kegembiraan iaitu kegembiraan ketika berbuka dan kegembiraan ketika bertemu dengan Tuhannya. Bau mulut orang yang berpuasa itu lebih harum di sisi Allah daripada bau kasturi."

Terdapat banyak hadis yang menyebut tentang keutamaan puasa Ramadan, mendirikan malamnya (qiyam), serta keutamaan puasa secara umum.

Oleh itu, seorang mukmin hendaklah mengambil peluang ini iaitu dengan nikmat yang Allah kurniakan kepadanya untuk bertemu dengan bulan Ramadan dengan bersegera melakukan ketaatan, menjauhi maksiat dan bersungguh-sungguh dalam menunaikan kewajipan yang telah Allah fardukan, terutamanya solat lima waktu. Kerana solat adalah tiang agama dan merupakan kewajipan yang paling

agung selepas dua kalimah syahadah. Maka, setiap Muslim dan Muslimah wajib menjaga solat dan menunaikannya pada waktunya dengan penuh khusyuk dan ketenangan.

Antara kewajipan yang paling utama bagi lelaki ialah menunaikan solat secara berjemaah di rumah-rumah Allah yang telah diizinkan untuk dimuliakan dan disebut nama-Nya di dalamnya, sebagaimana firman Allah:

﴿وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَءَاتُوا الزَّكُوَةَ وَأْرْكَعُوا مَعَ الْرَّكْعَيْنِ ﴾٤٣

"Dan dirikanlah solat, tunaikanlah zakat dan rukuklah bersama orang-orang yang rukuk."

(Surah al-Baqarah: 43)

Allah SWT berfirman:

﴿حَفِظُوا عَلَى الصَّلَاةِ وَالصَّلَاةِ الْوُسْطَى وَقُوْمُوا لِلَّهِ قَبْتَيْنِ ﴾٤٧

"Peliharalah segala solat (fardu) dan solat pertengahan (solat Asar), dan berdirilah untuk Allah dalam keadaan khusyuk."

(Surah al-Baqarah: 238)

dan firman-Nya:

﴿قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ۚ ۝ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَلِشُعُونَ ۚ ۝﴾

"Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang beriman.

Iaitu mereka yang khusyuk dalam solat mereka."

(Surah al-Mu'minun: 1-2).

sehingga firman-Nya:

﴿وَالَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَوةِهِمْ يُحَافِظُونَ ﴿١﴾ أُولَئِكَ هُمُ الْوَرِثُونَ ﴿٢﴾ الَّذِينَ يَرِثُونَ ﴿٣﴾ الْفِرْدَوْسَ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٤﴾﴾

"... dan mereka yang menjaga solatnya. Mereka itulah pewaris, yang akan mewarisi syurga firdaus. Mereka kekal di dalamnya."

(Surah al-Mu'minun: 9-11).

Nabi SAW juga bersabda:

«الْعَهْدُ الَّذِي يَبْيَنُّا وَبِيَتْهُمُ الصَّلَاةُ، فَمَنْ تَرَكَهَا فَقَدْ كَفَرَ».

"Batas antara kita dan mereka (orang kafir) ialah solat. Maka sesiapa yang meninggalkan solat, dia telah kafir."

Kefarduan yang paling penting selepas solat adalah menunaikan zakat, sebagaimana firman-Nya:

﴿وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْدِدُوا أَلَّهُمْ مُخْلِصِينَ لَهُ الَّذِينَ حُنَّقَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا مِمْوَالَهُمْ وَالرِّجْلَةَ وَذَلِكَ دِينُ الْقِيَمَةِ ﴿٥﴾﴾

"Dan mereka tidak diperintahkan selain supaya menyembah Allah dengan ikhlas dalam menjalankan agama dan mendirikan solat serta menunaikan zakat. Dan itulah agama yang benar."

(Surah al-Bayyinah: 5)

Allah SWT berfirman:

﴿وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَاعْثُوا الزَّكُورَةَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرَحَّمُونَ ﴿٦﴾﴾

"Dan dirikanlah solat, tunaikanlah zakat dan taatilah rasul, agar kamu diberi rahmat."

(Surah al-Nūr: 56).

Disebutkan dalam kitab Allah yang mulia dan sunnah rasul-Nya yang mulia bahawa sesiapa yang tidak menunaikan zakat hartanya, maka dia akan diazab dengannya pada hari kiamat.

Perkara yang paling penting selepas solat dan zakat adalah puasa Ramadan, yang merupakan salah satu daripada rukun Islam yang lima yang disebutkan dalam sabda Nabi SAW:

«بُنِيَّ الْإِسْلَامُ عَلَىٰ خَمْسٍ: شَهَادَةٌ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَإِقَامُ الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءُ الرِّزْكَةِ، وَصَوْمُ رَمَضَانَ، وَحَجَّ الْبَيْتِ».

"Islam dibangun di atas lima perkara: Bersaksi bahawa tiada yang berhak disembah melainkan Allah dan bahawa Muhammad adalah utusan Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat, berpuasa di bulan Ramadan, dan menunaikan haji ke Baitullah."

Wajib bagi seorang Muslim untuk menjaga puasanya dan qiyamnya daripada perkara-perkara yang diharamkan oleh Allah, sama ada daripada perkataan mahupun perbuatan. Ini kerana tujuan puasa adalah untuk taat kepada Allah SWT dan memuliakan hukum-hakam-Nya, serta berjihad melawan nafsu untuk tidak mengikuti kehendaknya dalam taat kepada Tuhan, serta mendidik diri untuk bersabar daripada perkara-

perkara yang diharamkan oleh Allah. Bukan sekadar meninggalkan makanan, minuman dan perkara-perkara yang membatalkan puasa. Oleh itu, sabda Rasulullah SAW yang dalam sebuah hadis yang sahih, baginda bersabda:

«الصَّيَامُ جُنَاحٌ، فَإِذَا كَانَ يَوْمُ صَوْمٍ أَحَدِكُمْ فَلَا يَرْفُثُ وَلَا يَصْخَبُ، فَإِنْ سَأَبَهُ أَحَدٌ أَوْ قَاتَلَهُ فَلِيُقْلِلْ إِلَيْيِ صَائِمٍ».

"Puasa adalah perisai. Apabila salah seorang daripada kamu sedang berpuasa, maka janganlah dia berkata-kata kotor atau bertengkar. Jika ada yang mencacinya atau bertindak agresif kepadanya, maka hendaklah dia berkata, "Aku sedang berpuasa."

Nabi SAW juga bersabda dalam sebuah hadis sahih:

«مَنْ لَمْ يَدْعُ قَوْلَ الزُّورِ وَالْعَمَلَ بِهِ وَالْجَهْلَ فَلَيْسَ لِلَّهِ حَاجَةً فِي أَنْ يَدْعَ طَعَامَهُ وَشَرَابَهُ».

"Sesiapa yang tidak meninggalkan perkataan dusta, perbuatan dusta dan kebodohan, maka Allah tidak memerlukan dia meninggalkan makan dan minumnya."

Maka dengan adanya teks-teks ini dan yang lainnya, jelaslah bahawa wajib bagi orang yang berpuasa untuk berhati-hati daripada segala perkara yang diharamkan oleh Allah dan menjaga

segala perkara yang diwajibkan oleh-Nya. Dengan demikian, diharapkan agar dia mendapat keampunan, pembebasan dari api neraka serta diterima puasa dan qiamulailnya.

Terdapat beberapa perkara yang mungkin tidak diketahui oleh sebahagian orang:

Antara perkara yang perlu diingat bahawa seorang Muslim wajib berpuasa dengan penuh iman dan mengharap ganjaran, bukan kerana riya', untuk dilihat oleh orang lain atau kerana mengikuti orang lain atau masyarakatnya. Apa yang sepatutnya mendorongnya untuk berpuasa adalah keimanan bahawa Allah mewajibkan puasa itu ke atasnya dan mengharapkan ganjaran daripada-Nya. Begitu juga dengan solat malam (terutama pada bulan Ramadan), ia perlu dilakukan dengan penuh iman dan mengharap ganjaran, bukan kerana sebab-sebab lain. Oleh itu, Nabi SAW bersabda:

«مَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ، وَمَنْ قَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ، وَمَنْ قَامَ لَيْلَةَ الْقُدرِ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ».

"Sesiapa yang berpuasa pada bulan Ramadan dengan penuh keimanan dan mengharapkan ganjaran daripada Allah, maka diampunkan dosa-dosanya yang telah lalu. Sesiapa yang mendirikan

solat malam pada bulan Ramadan dengan penuh keimanan dan mengharapkan ganjaran daripada Allah, maka diampunkan dosa-dosanya yang telah lalu. Sesiapa yang menghidupkan malam Lailatul Qadar dengan penuh keimanan dan mengharapkan ganjaran daripada Allah, maka diampunkan dosa-dosanya yang telah lalu."

Antara perkara yang mungkin tidak diketahui oleh sesetengah orang adalah mengenai keadaan-keadaan tertentu yang mungkin dialami oleh seseorang yang berpuasa, seperti luka, hidung berdarah, muntah, atau air atau minyak (seperti petrol) yang memasuki kerongkong tanpa sengaja. Semua perkara ini tidak membatalkan puasa. Namun, jika seseorang dengan sengaja menyebabkan muntah, maka puasanya batal. Hal ini berdasarkan sabda Nabi SAW:

«مَنْ ذَرَعَهُ الْقَيْءُ فَلَا قَضَاءَ عَلَيْهِ، وَمَنْ اسْتَقَاءَ فَعَلَيْهِ الْقَضَاءُ». *(Al-Bukhari)*

"Sesiapa yang muntah tanpa disengajakan, maka dia tidak perlu menggantikan puasanya, tetapi sesiapa yang dengan sengaja menyebabkan muntah, maka dia wajib menggantikan puasanya."

Antara lain adalah sekiranya seorang Muslim (baik lelaki atau wanita) yang berhadas besar atau wanita yang sedang haid atau nifas dan mereka melihat tanda suci (bersih) sebelum terbit fajar, mereka tetap diwajibkan untuk berpuasa

walaupun jika mereka menunda mandi junub atau mandi haid sehingga selepas terbit fajar. Walau bagaimanapun, mereka tidak dibenarkan untuk menangguhkan mandi sehingga terbit matahari, kerana mereka wajib mandi dan menunaikan solat Subuh sebelum terbit matahari.

Begitu juga, seseorang yang dalam keadaan junub tidak dibenarkan untuk menunda mandi wajib sehingga selepas terbit matahari. Sebaliknya, dia wajib mandi dan solat Subuh sebelum terbit matahari. Seorang lelaki juga wajib segera melakukan mandi wajib agar dapat menunaikan solat Subuh bersama jemaah.

Antara perkara yang tidak membatalkan puasa adalah pengambilan darah dan suntikan yang bukan bertujuan untuk memberi pemakanan. Namun, adalah lebih baik dan lebih berhati-hati jika perkara tersebut ditangguhkan sehingga waktu malam, sekiranya ia dapat dilakukan sebagaimana sabda Nabi SAW:

«دَعْ مَا يَرِبِّيْكَ إِلَى مَا لَا يَرِبِّيْكَ».

" Tinggalkanlah perkara yang meragukanmu kepada perkara yang tidak meragukanmu."

Baginda SAW juga bersabda:

«مَنْ اتَّقَى الشُّبُهَاتِ فَقَدِ اسْتَبَرَأً لِدِينِهِ وَعَرَضَهُ».

"Sesiapa yang menjauhi perkara yang meragukan, maka dia telah membersihkan

agamanya dan kehormatannya."

Antara perkara yang mungkin tidak diketahui oleh sesetengah orang adalah ketidaktenangan dalam solat, sama ada solat fardu atau sunat. Hadis-hadis sahih daripada Rasulullah SAW menunjukkan bahawa ketenangan adalah rukun dalam solat yang tidak sah solat tanpa ia. Ketenangan dalam solat bermaksud berdiam diri dalam solat, khusyuk dan tidak terburu-buru sehingga setiap sendi kembali ke tempatnya. Ramai orang yang solat terawih pada bulan Ramadan melakukan solat dengan tidak memahami atau tidak merasa tenang dalamnya, malah mereka melakukannya dengan cepat seperti patukan ayam. Solat yang dilakukan dengan cara ini adalah batal dan orang yang melakukannya adalah berdosa dan tidak memperolehi ganjaran.

Antara perkara yang mungkin tidak diketahui oleh sesetengah orang adalah anggapan bahawa solat terawih tidak boleh dikurangkan daripada dua puluh rakaat, atau anggapan bahawa tidak boleh ditambah lebih daripada sebelas rakaat atau tiga belas rakaat. Semua anggapan ini adalah salah dan bertentangan dengan dalil-dalil yang sahih.

Hadis-hadis yang sahih daripada Rasulullah SAW menunjukkan bahawa solat malam adalah luas waktunya, tidak ada batasan tertentu yang tidak boleh dilanggar. Bahkan, daripada baginda SAW diketahui bahawa baginda solat malam sebanyak sebelas rakaat, dan kadang-kadang

baginda solat tiga belas rakaat, atau kadang-kadang kurang daripada itu, sama ada dalam bulan Ramadan mahupun selainnya. Apabila ditanya mengenai solat malam, baginda bersabda:

﴿مَئْتَىٰ مَئْتَىٰ، فِإِذَا حَشِيَ أَحَدُكُمُ الصُّبْحَ صَلَّ رَكْعَةً وَاحِدَةً شُوَّرْ لَهُ قَدْ صَلَّ﴾.

"Solatlah dua rakaat dua rakaat dan apabila salah seorang antara kamu bimbang terlewat subuh, hendaklah dia solat satu rakaat untuk menjadi witir bagi apa yang telah dia kerjakan."

Disepakati sahih.

Tidak ada penetapan jumlah rakaat tertentu sama ada pada bulan Ramadan mahupun di luar Ramadan. Oleh itu, para sahabat pada zaman Umar RA kadang-kadang solat 23 rakaat, dan kadang-kadang 11 rakaat. Semua itu telah terbukti dilakukan oleh Umar RA dan para sahabat pada zaman baginda.

Sebahagian daripada salaf ada yang solat 36 rakaat pada bulan Ramadan dan berwitir dengan 3 rakaat, sementara sebahagian lagi solat 41 rakaat. Ini telah disebutkan oleh Shaykh al-Islam Ibn Taymiyyah dan para ulama lainnya. Beliau juga menyebutkan bahawa perkara ini adalah luas dan beliau menambah bahawa yang terbaik bagi mereka yang memanjangkan bacaan, rukuk, dan sujud adalah mengurangkan bilangan rakaat,

manakala mereka yang mempercepatkan bacaan, rukuk dan sujud boleh menambah bilangan rakaat. Inilah maksud kata-kata beliau, rahimahullah.

Sesiapa yang meneliti sunnah Nabi SAW akan mengetahui bahawa yang terbaik dalam hal ini adalah solat sebelas rakaat atau tiga belas rakaat, sama ada pada bulan Ramadan mahupun selainnya kerana ia adalah yang paling sesuai dengan perbuatan Nabi SAW dalam kebanyakan keadaannya. Ia juga lebih memudahkan para jemaah dan lebih mendekatkan kepada khusyuk dan ketenangan. Bagi sesiapa yang menambah bilangan rakaat, tiada masalah dan tidak ada larangan, seperti yang telah disebutkan sebelum ini.

Apa yang terbaik bagi sesiapa yang solat bersama imam dalam qiam Ramadan adalah tidak keluar melainkan setelah imam selesai, berdasarkan sabda Nabi SAW:

«إِنَّ الرَّجُلَ إِذَا قَامَ مَعَ الْإِمَامِ حَقَّىٰ يَنْصَرِفُ كُتُبَ لَهُ قِيَامٌ لَيَأْتِيٌ».

"Jika seseorang solat malam bersama imam sehingga imam selesai, Allah menulis baginya **pahala seperti pahala solat sepanjang malam.**"

Setiap muslim berusaha untuk beribadah dengan pelbagai cara pada bulan yang mulia ini, seperti solat sunat, membaca al-Quran dengan pemahaman dan renungan, memperbanyakkan

tasbih, tahlil, tahmid, takbir, istighfar, doa-doa yang sahih, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah yang mungkar, mengajak kepada Allah, menyantuni orang miskin dan fakir, berusaha untuk berbakti kepada ibu bapa, menyambung silaturrahim, memuliakan jiran, melawat orang sakit dan segala jenis kebaikan yang lain. Hal ini sebagaimana yang disebutkan oleh Nabi SAW dalam hadis yang sebelumnya.

«يَنْظُرُ اللَّهُ إِلَى تَنَافِسِكُمْ فِيهِ فَيَبْاهِي بِكُمْ مَلَائِكَتَهُ؛ فَأَرُوا اللَّهَ مِنْ أَنفُسِكُمْ خَيْرًا؛ فَإِنَّ الشَّقِيقَ مَنْ حُرِمَ فِيهِ رَحْمَةُ اللَّهِ».

"Allah melihat persaingan kalian dalam bulan ini dan Dia berbangga dengan kalian di hadapan malaikat-Nya. Oleh itu, tunjukkan kepada Allah yang terbaik daripada diri kalian. Sesungguhnya, orang yang sengsara adalah orang yang terhalang dari rahmat Allah pada bulan ini."

Ia juga berdasarkan kepada hadis yang diriwayatkan daripada Rasulullah SAW, baginda bersabda:

«مَنْ تَقَرَّبَ فِيهِ بِخَصْلَةٍ مِنْ خِصَالِ الْحُبُّ كَانَ كَمْ أَدَى فَرِيضَةً فِيمَا سِوَاهُ، وَمَنْ أَدَى فِيهِ فَرِيضَةً كَانَ كَمْ أَدَى سَبْعِينَ فَرِيضَةً فِيمَا سِوَاهُ».

"Sesiapa yang mendekatkan diri dengan suatu amalan kebaikan pada bulan ini, maka ia seperti orang yang mengerjakan suatu kewajipan pada bulan lain. Sesiapa yang mengerjakan suatu

kewajipan pada bulan ini, maka ia seperti orang yang mengerjakan 70 kewajipan pada bulan lain."

Ia juga berdasarkan sabda Nabi SAW dalam sebuah hadis yang sahih:

«عُمْرَةٌ فِي رَمَضَانَ تَعْدِلُ حَجَّةً، أَوْ قَالَ: حَجَّةً مَعِي».

"Umrah pada bulan Ramadan setara dengan haji, atau baginda bersabda: setara dengan haji bersamaku."

Hadis-hadis serta atsar yang menunjukkan keharusan berlumba-lumba dan bersaing dalam melakukan amal kebaikan pada bulan yang mulia ini adalah banyak.

Kita memohon agar Allah memberikan taufik kepada kita dan seluruh umat Islam untuk segala yang mendatangkan keredaan-Nya, serta menerima puasa dan solat kita, memperbaiki keadaan kita dan melindungi kita semua daripada fitnah-fitnah yang menyesatkan. Kita juga memohon kepada-Nya agar memperbaiki keadaan para pemimpin umat Islam dan menyatukan suara mereka atas kebenaran. Sesungguhnya Dialah Yang Maha Kuasa dan Maha Mampu untuk itu.

Was-salāmu ‘alaykum wa rahmatullāhi wa barakātuh.

الفهرس

Risalah Ringkas Berkaitan Zakat dan Puasa	2
Risalah Pertama	2
Perbahasan Penting Berkaitan Zakat.....	2
Risalah Kedua	15
Keutamaan Puasa dan Qiyam Ramadan serta Penjelasan Hukum-Hakam Penting yang Mungkin Terlepas Pandang oleh Sebahagian Orang	15



رسالة الحرمين

Message of The Two Holy Mosques

Guidance content for the visitors of the Holy Mosque and
the Prophet's Mosque in languages.



978-603-8524-08-4